



TATKALA DIBERIKAN TUGASAN BERTEMAKAN PERCUTIAN UNTUK KELUARAN KALI INI, NAMA ROZITA CHE WAN SEBAGAI PENGHIAS MUKA DEPAN TERUS TERLINTAS DI FIKIRAN. ORANGNYA YANG BEGITU GEMAR BERCUTI TERUTAMANYA KE LUAR NEGARA MENJADIKAN FIGURA POPULAR INI IALAH PILIHAN YANG TEPAT. PASTINYA CERITERA KEMBARANYA MENJADI FOKUS UTAMA UNTUK DIKONGSI.

Terapi Minda CHE TA

Membelek akaun Instagram milik diva sensasi yang mesra disapa Che Ta, 42, foto-foto indah ketika berada luar negara yang dikongsi olehnya begitu menarik perhatian. Sama ada berkunjung ke luar negara atas urusan kerja atau bercuti, isteri kesayangan Zairi Saidin, 31, ini pastinya tidak melepaskan peluang memuat naik gambar-gambar untuk tatapan peminat.

Ber cerita tentang kesukaannya yang satu ini, Che Ta menjadikan momen liburnya itu sebagai salah satu terapi minda bagi menghilangkan tekanan dek kerja-kerja yang baratnya tidak pernah habis. Apatah lagi dapat bercuti bersama suami, anak-anak atau keluarga, ia secara tidak langsung dapat meringankan fikirannya daripada bebanan kerja.

"Sememangnya bercuti ke luar negara bersama insan tersayang adalah terapi untuk menghilangkan stres. Berada di Kuala Lumpur, macam-macam perkara yang perlu saya buat dan selesaikan. Jadi, sebagai ganjaran untuk diri sendiri yang telah penat bekerja, saya merancang percutian ke luar negara bersama suami, anak-anak dan keluarga.

"Ketika bercuti pula, saya akan menikmati waktu tersebut dengan berehat tanpa memikirkan tentang kerja langsung. Kebiasaannya, saya gemar menghabiskan masa bercuti itu dengan mengunjungi tempat-tempat menarik, mencuba makanan tempatan dan membeli-belah. Itulah aktiviti wajib

yang akan saya lakukan sepanjang melancong ke luar negara.

"Cara ini sangat membantu saya mengurangkan tekanan dan dalam masa yang sama memberi kegembiraan yang tidak dapat diungkap dengan kata-kata. Selain itu, berkunjung ke negara orang dapat membantu saya menimba banyak pengalaman dan menambahkan lagi pengetahuan," jelas Che Ta yang menjadikan benua Eropah sebagai destinasi percutian kegemarannya.

PELENGKAP KEMBARA

Cantik dan eksklusif. Itulah yang boleh diperkatakan tentang koleksi foto percutian Che Ta. Apa tidaknya, membawa jurugambar profesional setiap kali melancong membolehkan setiap kenangan di sana dirakam sempurna. Berbicara tentang hal ini, Che Ta akui dia lebih selesa dan puas hati menggunakan khidmat jurugambar khas ketika bercuti. Baginya, dengan cara ini mereka akan memperoleh foto yang cantik walaupun diambil secara candid.

"Menggunakan perkhidmatan jurugambar profesional merupakan salah satu cara untuk saya menyempurnakan waktu percutian saya. Dengan adanya mereka, mudah bagi

CIK • RUHAYA AB. HAMID • FOTO ©MRL & THE ASSEMBLE IIG ©QMLR & @THEASSEMBLE



Kenangan di London.

saya mengabadikan kenangan di setiap lokasi yang kami kunjungi. Walaupun sekadar gambar candid, ia tetap dihasilkan dengan cantik.

"Kalau harapkan diri sendiri yang ambil gambar menggunakan telefon bimbit, hasil yang kami dapat jauh berbeza dengan apa yang jurugambar profesional dapat. Apabila ini terjadi, keinginan untuk bergambar kenangan sedikit sebanyak akan hilang," ujar Che Ta yang akan menggunakan perkhidmatan agensi pelancongan apabila bercuti ke destinasi yang belum pernah dikunjungi.

AAISYAH 'BEHAVE'

Melancong bersama anak kecil terutamanya yang masih bayi bukan sesuatu yang mudah bagi ibu bapa. Ragam si anak kecil ada kalanya sangat mencabar. Namun, Che Ta dan Zain amat bertuah dalam soal ini kerana bayi comel mereka, Aaisyah Dhia Rana, 1, mudah dijaga dan diuruskan sepanjang mereka bercuti.

Mungkin kerana sudah dibawa melancong ke luar negara seawal usianya tiga bulan, Aaisyah mampu menyesuaikan diri walau ke mana sahaja mereka pergi. Dalam hal ini, Che Ta yang juga ibu kepada Ammar Effendy dan Aniq Ezza ini amat bersyukur kerana ia memudahkan perjalanan mereka mencipta kenangan manis di tempat orang.

"Alhamdulillah, sejak pertama kali dibawa ke luar negara sehingga sudah mencapai usia setahun, Aaisyah tidak pernah mengalami sebarang masalah setiap kali kami bercuti. Mungkin disebabkan dia sudah biasa dengan perjalanan jarak jauh, dia tidak meragam dengan teruk.

"Kalau kami ke negara beriklim sejuk, dia akan tidur lama sepanjang hari. Jadi, dia sama sekali tidak mengganggu rancangan kami untuk melihat tempat-tempat menarik," cerita Che Ta yang membawa keluarga bercuti ke Madrid dan Barcelona Disember ini.



Akai si comel Aaisyah di luar negara.

KEMBALI BERAKSI

Usai berbicara perihal liburan, Che Ta turut teruja berkongsi tentang projek terbarunya dalam dunia lakonan. Hampir dua tahun tidak memasuki set penggambaran drama, Che Ta bakal mengubat kerinduan peminat setianya apabila menerima tawaran untuk membintangi drama terbitan Zeel Production berjudul "Kak Marr" yang akan bersiaran di saluran TV3.

"Setelah sekian lama tidak berlakon, saya akhirnya menerima tawaran daripada Haji Zeel untuk terlibat dalam drama terbaru terbitannya. Saya berharap penglibatan saya menerima drama ini dapat mengubat kerinduan peminat untuk menonton lakonan saya. Tidak mudah untuk saya bersetuju tetapi apabila dipujuk hampir setiap hari oleh Haji Zeel, saya akhirnya menerima tawaran beliau.

"Persetujuan saya ini bukan sahaja kerana saya selesa bekerja bersama beliau, tetapi juga disebabkan oleh watak yang diberikan sangat menarik dan sesuai dengan karakter saya. Tambahan pula Zain sentiasa memberi sokongan untuk saya berlakon, ia memudahkan saya kembali ke lokasi penggambaran," akhiri pemilik jenama fesyen Padusi dan produk pewangi Precious By PCW.

